

UNTUK SIARAN SEGERA



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
TAHUN 2022**

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Tahun 2022 akan dikeluarkan pada **13 Julai 2023 (Khamis)**. Sebanyak **41,701 calon** telah menduduki peperiksaan STPM Tahun 2022 di 659 buah pusat peperiksaan di seluruh negara dan sebanyak 5,668 petugas peperiksaan telah dilantik bagi keseluruhan peperiksaan ini.

Calon Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan/swasta/persendirian individu boleh mendapatkan keputusan masing-masing melalui kaedah yang berikut:

- a) Calon Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan/swasta boleh memperoleh keputusan peperiksaan STPM 2022 dari sekolah masing-masing mulai jam **11:30 pagi** pada **13 Julai 2023 (Khamis)**; dan/atau
- b) secara dalam talian di pautan <http://stpm.mpm.edu.my/stpmK> untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan STPM Tahun 2022 mulai jam **11:30 pagi** pada **13 Julai 2023 (Khamis)**; dan/atau

c) secara **sistem pesanan ringkas (SMS)** untuk mendapatkan **ringkasan keputusan** peperiksaan STPM 2022 dengan menaip **STPM<jarak>No.K/P<jarak>Angka Giliran** dan **hantar ke 15888**. Sistem ini akan diaktifkan mulai jam **11:00 pagi** pada **13 Julai 2023 (Khamis)** sehingga jam 12:00 tengah hari pada 23 Julai 2023 (Ahad).

MPM mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada semua calon STPM Tahun 2022.

-TAMAT-

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
11 JULAI 2023**